

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
[TUARAN]
TARIKH : 18.3.2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 36

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- a) apakah ada perancangan Kementerian untuk mewujudkan lagi universiti awam dan universiti swasta di Sabah; dan
- b) apakah status terkini pembinaan SMK Pekan Nabalu, Tuaran

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak bercadang untuk menambah bilangan Universiti Awam (UA) pada masa ini memandangkan jumlah 20 UA sedia ada ini adalah mencukupi. Merujuk kepada Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) pula, sehingga 31 Januari 2019 terdapat sebanyak 24 buah IPTS di Sabah. Oleh kerana pihak Kementerian telah pun melaksanakan moratorium ke atas penubuhan IPTS baharu sehingga 31 Disember 2020, tiada IPTS baharu yang diluluskan penubuhannya buat masa ini.

Pelaksanaan moratorium penubuhan IPTS bertujuan untuk melestarikan perkhidmatan IPTS terutama dari segi kewangan dan melahirkan IPTS yang lebih kompetitif. Pelaksanaan moratorium ini juga dapat

NO. SOALAN: 36

memfokuskan pelaksanaan rasionalisasi dan konsolidasi sektor pendidikan swasta melalui kaedah penggabungan dan pemerolehan, kolaborasi atau penstrukturan semula IPTS. Dalam hal ini, kelestarian pembangunan IPTS dan meningkatkan kualiti program yang ditawarkan disamping memastikan graduan yang dilahirkan adalah memenuhi keperluan masa depan.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan SMK Nabalu telah ditamatkan pada tahun 2015 atas nasihat Jabatan Mineral dan Geosains disebabkan tapak tidak sesuai dan tidak selamat kerana berada di dalam kawasan lingkaran gempa bumi.

Sebagai ganti, Kementerian telah mengenal pasti tapak cadangan di Kampung Giok dan masih dalam proses pengambilalihan tanah. Proses ini dijangka selesai akhir 2019. Oleh yang demikian, KPM akan memohon projek pembinaan sekolah ganti dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

Sekian, terima kasih

RJM 31